

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah ibu tunggal yang berdaftar dalam sistem e-kasih Kementerian di Parlimen di Parlimen P202 Sri Aman; dan
- (b) apakah inisiatif dan bantuan yang telah disalurkan kepada mereka untuk menampung kos sara hidup.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Golongan ibu tunggal mendapat tumpuan khusus daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Dalam hal ini, adalah menjadi perjuangan KPWKM untuk memperkasakan dan membangunkan ibu tunggal demi kesejahteraan keluarga mereka.

a) Jumlah Ibu Tunggal yang berdaftar dalam Sistem e-Kasih

Berdasarkan pangkalan data e-kasih yang dibangunkan dan diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), terdapat seramai 348 orang ibu tunggal di Parlimen P202 Sri Aman.

b) Inisiatif dan bantuan yang telah disalurkan kepada ibu tunggal

KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan beberapa skim bantuan kewangan bagi membantu golongan ibu tunggal. Antaranya ialah:

i) Skim Bantuan Kanak-kanak

Bagi meringankan beban ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi bantuan kewangan di bawah Skim Bantuan Kanak-Kanak bagi memastikan kebajikan dan pendidikan anak-anak ibu tunggal terpelihara. Pada tahun 2013, seramai 75 orang ibu tunggal telah mendapat bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM216,700.00 bagi kawasan Parlimen P202 Sri Aman.

ii) Bantuan Am

KPWKM juga menyalurkan bantuan kewangan kepada keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim Bantuan Am. Pada tahun 2013, sejumlah RM70,305.00 telah disalurkan kepada 44 orang ibu tunggal miskin di kawasan Parlimen P202 Sri Aman.

iii) Bantuan Geran Pelancaran

KPWKM memberi bantuan Geran Pelancaran yang merupakan bantuan sekali gus kepada penerima bantuan JKM dari kalangan ibu tunggal bagi memulakan projek atau aktiviti

ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Geran Pelancaran ini diberikan secara *one-off* iaitu sebanyak RM2,700.00 bagi setiap penerima.

Pada tahun 2013, seramai 3 orang ibu tunggal telah menerima Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM7,500.00 di kawasan Parlimen P202 Sri Aman.